



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PENUTUPAN INSTITUSI PENDIDIKAN
DI KOTA KINABALU, PENAMPANG DAN PUTATAN
DI SABAH**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin merujuk pengumuman YB Menteri Kanan Pertahanan pada 5 Oktober 2020 dan mengambil maklum keputusan Mesyuarat Khas Menteri-Menteri pada hari ini untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Kota Kinabalu, Penampang dan Putatan yang akan berkuatkuasa pada 12.01 tengah malam 7 Oktober 2020.

Mengambil kira keputusan ini, KPM telah memutuskan sebanyak 122 buah sekolah harian di dalam kawasan tersebut akan ditutup sehari lebih awal, iaitu bermula esok 6 Oktober 2020. Ini melibatkan 86 buah sekolah rendah, 25 buah sekolah menengah dan 11 buah sekolah swasta.

Sekolah di luar kawasan PKPB akan beroperasi seperti biasa sebagaimana yang dijelaskan di dalam kenyataan media KPM yang telah dikeluarkan pada 3 Oktober 2020 yang lalu.

KPM menyedari kekhuatiran ibu bapa dan warga sekolah berkaitan keadaan semasa penularan wabak Covid-19. Dalam hal ini KPM sentiasa memantau situasi di seluruh negara serta sentiasa bekerjasama rapat dengan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam

melakukan yang terbaik bagi memastikan kesihatan dan keselamatan warga sekolah adalah terpelihara.

-TAMAT -

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

5 OKTOBER 2020